



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16 September 2015

Hebatkan kempen 'peperangan adalah jenayah' - Dr. Mahathir

PUTRAJAYA 15 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bertekad memperhebatkan kempen 'peperangan adalah jenayah' di seluruh dunia walaupun mengakui usaha tersebut mungkin memakan masa yang panjang sehingga beratus tahun.

Mengambil contoh aktiviti perhambaan, beliau berkata, kejayaan menghapuskan kegiatan tersebut hanya dikecapi selepas 200 tahun berjuang.

Justeru, beliau berkata, melalui Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF), pihaknya akan berusaha meraih sokongan masyarakat antarabangsa bagi menjayakan kempen tersebut dalam pelbagai platform agar dunia akhirnya bebas daripada sebarang bentuk peperangan.

"Di peringkat ASEAN, kita turut mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin di rantau ini menandatangani satu perjanjian keamanan dan juga perjanjian yang menyatakan peperangan adalah jenayah.

"Melalui komitmen tersebut sekali gus akan membebaskan rantau ini daripada peperangan

dan sekiranya berlaku sebarang konflik sekalipun khususnya antara negara-negara ASEAN mereka akan menyelesaikannya sama ada dalam bentuk rundingan atau melalui proses undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap-tama dalam Program 4th Mahathir Global Peace School 2015 anjuran PGPF dan Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, pemahaman tentang peperangan itu jenayah serta pentingnya memelihara keamanan juga perlu didedahkan kepada kanak-kanak sejak di peringkat tadika supaya mereka menjadi golongan yang membenci peperangan.

"Bidang pendidikan boleh membantu kita untuk memberikan pemahaman kepada anak-anak kita bahawa peperangan itu adalah satu jenayah dan pendidikan ini perlu dilakukan seawal mereka berada dalam alam persekolahan," katanya lagi.

Dalam perkembangan ber-

kaitan, beliau sekali lagi menegaskan bahawa pemimpin yang mencetuskan peperangan secara agresif bagi memenuhi matlamatnya perlu diheret ke muka pengadilan dan jika sabit kesalahan wajar dikenakan hukuman berat seperti penjara seumur hidup.

"Kesalahan pemimpin seperti ini tidak boleh dimaafkan. Disebabkan peperangan yang mereka cetuskan bukan sahaja berlaku kemusnahan harta benda tetapi ramai rakyat tidak berdosa menjadi korban sama ada orang tua wanita mahupun kanak-kanak.

"Sebenarnya, peperangan di zaman moden ini lebih ganas daripada zaman dahulu. Jika dahulu hanya tentera sahaja yang terbunuh dan medan perangnya juga lebih spesifik," ujarnya.

Berbanding peperangan zaman moden beliau berkata, rakyat yang tidak berdosa paling banyak menjadi mangsa apatah lagi semua tempat serta lokasi dianggap sebagai medan perang, sudah tentu suasana tersebut mengakibatkan banyak berlaku kemusnahan.



DR. MAHATHIR MOHAMAD beramah mesra dengan peserta dalam Program 4th Mahathir Global Peace School 2015 anjuran PGPF dan UMY di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN